



LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM OLEH **PEGAWAI AWAM**

Peraturan 19 (1), Peraturan –peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Pegawai awam tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain :-

a. Membuat pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;

d. Mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.



b. Membuat pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama kerajaan;

c. Membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan atau apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau

Peraturan 19 (2), Peraturan –peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Pegawai awam tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain :-

- Membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan kerajaan;
- Memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi Kerajaan;
- Memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan; atau
- Menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

Melainkan dengan kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus telah diperoleh terlebih dahulu daripada Menteri.



- Peraturan 4(1) iaitu seseorang pegawai awam hendaklah pada setiap masa **memberikan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan**; dan
- Peraturan 4(2)(d) iaitu pegawai awam tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga **memburukkan nama dan mencemarkan nama perkhidmatan awam**.
- Surat edaran JPA bertarikh 7 Jun 2013 “**Tanggungjawab Pegawai Awam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial di Internet**”